

02/07/1997

Oracle buka pusat telekomunikasi serantau

ORACLE Corporation (Oracle), yang baru diberi status dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) akan mendirikan pusat integrasi telekomunikasi Asia Pasifik di Cyberjaya.

Pusat itu akan bertindak menampung kepesatan dalam industri telekomunikasi di rantau ini.

Pengarah Urusan Oracle Systems Malaysia Sdn Bhd, Khatijah Shah, berkata memandangkan telekomunikasi menyumbang 20 peratus daripada perolehan Oracle Asia Pasifik, pusat itu mampu menjadi batu loncatan bagi Oracle menikmati peningkatan perolehan di masa depan.

Tambahan lagi katanya, pembinaan pusat itu hasil pertemuan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Oracle, Larry Ellison dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Selain itu ia juga melambangkan komitmen dan keaktifan Oracle dalam usaha membangun MSC selain wawasan syarikat untuk menjayakannya.

Menurutnya, pusat itu disediakan dengan tenaga pakar mencukupi yang mana penumpuan pembabitannya dalam projek telekomunikasi utama terutama projek multimedia interaktif di Malaysia dan negara lain di rantau ini.

"Pusat itu yang membabitkan pelaburan besar kini terletak di Menara Berkembar Petronas, KLCC dan kemudiannya akan dipindahkan ke Cyberjaya.

"Pelaburan besar membabitkan tenaga pakar, kakitangan dan prasarananya. Kini terdapat 20 kakitangan yang mengendalikannya dan akan dikembangkan sehingga 100 tenaga pakar," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian sempena pelancaran Oracle 8 dan juga pelantikan William Houg-Lee, menggantikannya sebagai Pengarah Urusan Oracle Systems Malaysia yang baru.

Khatijah dijangka memegang jawatan baru di syarikat usaha sama dengan Oracle yang mana syarikat itu akan menjadi platform kepada Oracle untuk merebut peluang baru dalam MSC.

Mengenai pembabitan Oracle dalam MSC, Khatijah berkata, Oracle berminat membabitkan dalam tiga daripada tujuh aplikasi utamanya iaitu kerajaan elektronik; sekolah bestari dan teleperubatan.

Katanya, kini tiga pakar perunding terbabit dalam mengendali setiap aplikasi itu dan di peringkat akhir penilaiannya yang mana keputusan dijangka dikeluarkan bulan ini.

"Memandangkan komitmen Oracle di Malaysia, syarikat menikmati perkembangan setiap tahun sebanyak 50 peratus dengan kestabilan dalam setiap bahagian perniagaan seperti latihan, perundingan dan pelesenan.

"Selain itu, syarikat juga menikmati peningkatan dari suku 1996 ke suku 1997 sebanyak 127 peratus dan perolehan meningkat empat kali ganda berbanding dua tahun sebelum ini," katanya.

Katanya, Oracle juga menguasai 50 peratus dalam pasaran perisian pengurusan selain aplikasi dengan 249 peratus.

Antara pelanggan utama Oracle Malaysia ialah Binariang (Measat); Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Kementerian Pertahanan.

(END)